



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 42 / 2019

SPR DAN UNDP JALIN KERJASAMA PROGRAM REFORMASI PILIHAN RAYA

1. Satu perjanjian kerjasama di antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dan *United Nations Development Programme* (UNDP) ditandatangani hari ini.
2. Perjanjian ini merupakan satu dokumen projek yang bertajuk “Sokongan Reformasi Pilihan Raya Malaysia” (*Malaysia Electoral Reform Support – MERS*) berkuatkuasa bermula April 2019 sehingga Disember 2020 di bawah naungan *Country Programme Action Plan 2016-2020* di antara Kerajaan Malaysia dan UNDP. Ianya selaras dengan Tonggak 1, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), iaitu Mereformasi Tadbir Urus Ke Arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam.
3. Kerjasama ini melibatkan perkongsian kos sebanyak RM6.4 juta (USD1.6 juta) yang sebahagian besarnya disediakan oleh pihak UNDP dan selebihnya oleh Kerajaan Malaysia.
4. Melalui kerjasama ini, UNDP akan memberi bantuan dan khidmat konsultansi teknikal kepada SPR khususnya di dalam proses penambahbaikan daftar pemilih serta pembangunan kapasiti melalui program *Building Resources in Democracy, Governance and Elections* (BRIDGE).
5. Program kolaborasi ini akan memperkukuhkan fungsi SPR dan memberikan faedah kepada keseluruhan pengurusan operasi pilihan raya agar lebih telus, diyakini bersih dan adil.

Sekian, terima kasih,

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh: 2 April 2019 / 26 Rejab 1440H